

7,616 graduan terima skrol pada konvokesyen UPSI

Oleh [Ihsan Noorzal](#) - November 21, 2023 @ 9:09pm
bhnews@bh.com.my



TANJUNG MALIM: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) akan mengadakan majlis Istiadat Konvokesyen Kali Ke-25 bermula esok sehingga 29 November di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata istiadat yang akan dirasmikan oleh Canselor UPSI, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim, itu menyaksikan seramai 7,616 graduan akan menerima ijazah dan diploma.

Beliau berkata konvokesyen kali ini akan menganugerahkan ijazah dan diploma kepada 7,616 graduan yang merangkumi 121 ijazah Doktor Falsafah, 1,487 Ijazah Sarjana, 4,240 Ijazah Sarjana Muda, 852 diploma serta 916 graduan menerima Diploma Pendidikan Lepas Ijazah.

Daripada jumlah itu seorang akan menerima ijazah secara anumerta pada sesi kelapan pada 29 November.

Sempena majlis istiadat sesi pertama juga, Tuanku Zara berkenan menyampaikan watakah pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti kepada Tan Sri Dr Ismail Bakar.

Ismail yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian dari Universiti Malaya pada 1983 kemudiannya menyambung pengajian peringkat Sarjana di Universiti of Hull, United Kingdom dan memperoleh Sarjana Pentadbiran Perniagaan pada 1995 seterusnya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam Federalisme Fiskal pada tahun 2004 di universiti yang sama.

Sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama lebih 36 tahun, beliau pernah memegang beberapa portfolio penting antaranya Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Kewangan dan yang terakhir, beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara bermula pada Ogos 2018 sehingga Disember 2019.

Pada sesi pertama juga, Tuanku Zara akan menyampaikan Anugerah Pelajaran Diraja serta beberapa anugerah termasuklah Pingat Emas Canselor, Pingat Emas Lembaga Pengarah Universiti (Kepimpinan), Pingat Emas Naib Canselor, Hadiah dan Anugerah Buku, serta beberapa anugerah dari tokoh dan pemain industri.

Anugerah Pelajaran Diraja akan dianugerahkan kepada dua pelajar cemerlang iaitu Rossalini Ramzi, graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Matematik) dengan Kepujian dan Khoo Shu Yin, graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) dengan Kepujian.

Beliau berkata konvokesyen UPSI kali ini adalah sambutan ke-25 sekali gus menandakan sambutan Jubli Perak bagi universiti itu.

Tahun lalu, katanya, UPSI menyambut 100 Tahun penubuhan bermula era Sultan Idris Training College (SITC), Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) seterusnya dinaiktaraf kepada UPSI pada 1997.